



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	9/1/2011

'Heret Karpal jadi saksi bicara kes liwat Anwar'

AYER KEROH: Beberapa badan bukan kerajaan (NGO) semalam mencabar Pengerusi DAP, Karpal Singh supaya menjadi saksi kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim berikutan pendedahan beliau yang meminta kerajaan menyiasat perilaku dan salah laku seks ketua pembangkang itu di Parlimen pada 18 Disember 1997.

Sambil menyifatkan Karpal langsung tidak layak menjadi peguam beta kes liwat Anwar, NGO terbabit juga mahu beliau dipanggil sebagai saksi oleh Peguam Negara sekiranya Ahli Parlimen Bukit Gelugor itu enggan berbuat demikian.

Presiden Sekretariat Pemikir Muda dan Perpaduan Melayu Melaka, Shahrul Azuwar Abdul Aziz, turut mencabar Majlis Peguam menasihati Karpal supaya menjadi pengamal undang-undang berintegriti serta bermaruah dengan menawarkan diri menjadi saksi kes liwat itu, bukannya bersuara lantang semata-mata mahu mempertahankan perlakuan salah Anwar.

Sehubungan itu, beliau berkata, badan NGO di negeri ini memberi tempoh tujuh hari kepada Karpal supaya akur untuk menjunjung amalan demokrasi dan sekiranya gagal berbuat demikian, mereka akan menghantar memorandum kepada Majlis Peguam supaya tidak lagi mengiktiraf pemimpin DAP itu sebagai peguam berintegriti.

"Kami mahu kedaulatan undang-undang ditegakkan dalam mahkamah dan perbicaraan kes liwat itu dipercepatkan kerana selama ini barisan peguam Anwar sering meminta penangguhan. Kami berharap Karpal berpijak di bumi nyata dengan memperbetulkan semula kenyataan beliau yang dibuat di Dewan Rakyat pada 18 Disember 1997," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) serta Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (PEKIDA), di sini semalam. Turut hadir Pengerusi GPMS Melaka, Mohd Marwan Abu Kassim serta bekas Setiausaha Sulit Anwar, Anuar Shaari.